buletin Selayangku Sayang

DITERBITKAN OLEH
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
NASKHAH PERCUMA

EDISI
MEI 2025
05/2025



PELANTIKAN TYDP MPS
SELAMAT BERTUGAS TUAN TYDP

MENARIK DI DALAM...



05
Karnival Ceria Selangor 2025



06
Dato' Ir Haji Cheremi Rasmi Terima Jawatan Ahli Majlis Mps



10
Majlis Makan Malam Penghargaan Mantan Orang Besar Daerah Gombak

e-ISSN 3030-5896

DARI MEJA

YANG DIPERTUA

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada semua pengunjung kerana sudi melayari Buletin Selayangku Sayang Bil. 5/2025 di dalam portal MPS.

Selaras dengan perkembangan semasa yang menekankan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam urusan harian, MPS komited untuk menerbitkan buletin ini dalam format digital yang lebih mesra pengguna bagi memudahkan capaian dan penyampaian maklumat.

Sepanjang bulan Januari 2025, pelbagai program dan inisiatif telah dijalankan oleh MPS merangkumi aspek kebersihan, kesihatan awam, kemasyarakatan, kelestarian alam sekitar serta penguatkuasaan. Kesemua usaha ini mencerminkan komitmen berterusan MPS dalam mendekati komuniti, meningkatkan taraf hidup penduduk serta menjadikan Selayang sebagai sebuah bandar yang mampan dan sejahtera.

Akhir sekali, Saya berharap penerbitan ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca, khususnya dalam menyampaikan maklumat berkaitan pelaksanaan program, dasar serta aktiviti semasa Majlis Perbandaran Selayang kepada masyarakat secara menyeluruh.



(TUAN SHAHMAN BIN JALALUDIN)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

BIL 5/2025 Mei
mpselayang

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT
YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin
ydp@mps.gov.my

YBRs. Tuan Haji Az'har bin Samsuri
tydp@mps.gov.my

KETUA PENGARANG
En. Ahmad Fauzi bin Ishak
ahmadfauzi.ishak@mps.gov.my

PENOLONG KETUA PENGARANG
Pn. Nurul Huda binti Mohamed Abhar
nurulhuda.abhar@mps.gov.my

PENGARANG
Pn. Norhatikah Nabila binti Masri
norhatikahnabila.masri@mps.gov.my
Pn. Norhasliza binti Hassan
norhasliza.hassan@mps.gov.my

PEREKA LETAK
En. Mohd Afzairis bin Naseri
mafzairis.naseri@mps.gov.my
Cik Nurshahira Najihah binti Abd Rashid
nurshahira_najihah @mps.gov.my

JURUFOTO
Pn. Anissapinah binti Mohd Dan
anissapinah.mohddan@mps.gov.my
En. Mohamad Khairun bin Roslan
mkhairun.roslan@mps.gov.my

DITERBITKAN OLEH
Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

TERBITAN
Setiap Bulan

e-ISSN
3030-5896

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800
No. Faks: 03 6138 2728
E-mel: aduanmps@mps.gov.my
Talian Bebas Tol: 1800-222-677

Tahniah dan Selamat Bertugas

PELANTIKAN BAHARU YDP MDSB DAN SETIAUSAHA MPS

YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, telah menyerahkan Surat Pelantikan kepada dua pegawai kanan pihak berkuasa tempatan pada 2 Mei 2025. YBrs. Tuan Awaluddin bin Zakaria telah dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB), manakala YBrs. Tuan Azhar bin Samsuri pula telah dilantik sebagai Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

Pelantikan kedua-dua pegawai ini berkuat kuasa mulai 2 Mei 2025. Seluruh warga kerja mengucapkan tahniah dan selamat menjalankan amanah kepada kedua-dua pegawai yang dilantik.









Pelantikan Baharu Perkukuh Kepimpinan

LAFAZ AKUAN TERIMA JAWATAN TYDP MPS

LAFAZ akuan terima jawatan Timbalan Yang Dipertua (TYDP) Majlis Perbandaran Selayang (MPS) yang baharu telah diadakan pada 5 Mei 2025 di Pejabat Yang Dipertua MPS. YBrs. Tuan Haji Az'har bin Samsuri menerima pelantikan berkuat kuasa 2 Mei 2025 bagi menggantikan Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi yang kini menjawat jawatan Ketua Penolong Setiausaha, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Majlis lafaz akuan disempurnakan di hadapan Yang Dipertua MPS, YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin dan disaksikan oleh ketua-ketua WHIP Ahli Majlis serta pengarah jabatan MPS. Warga MPS mengucapkan tahniah kepada Tuan Haji Az'har dan berharap beliau dapat melaksanakan amanah dengan penuh komitmen demi memperkasa mutu perkhidmatan kepada masyarakat.









PELANTIKAN DATO' ORANG KAYA MAHA BIJAYA GOMBAK

SEKALUNG tahniah diucapkan kepada Yang Dihormatkan Dato' Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman atas pelantikan sebagai Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Gombak berkuat kuasa pada 1 Mei 2025.

Ingatan ikhlas daripada Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Ahli Majlis, Pengarah Jabatan serta seluruh warga kerja MPS.



Satu Langkah Ke Arah Sinergi

KUNJUNG HORMAT ORANG BESAR DAERAH (OBD) GOMBAK KE MPS

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) telah menerima kunjung hormat daripada YDH. Dato' Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Gombak, Orang Besar Daerah Gombak pada 5 Mei 2025. YDH. Dato' Ir. Haji Cheremi dilantik sebagai Orang Besar Daerah Gombak yang baharu bagi menggantikan Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'Wan Teh yang bersara pada 30 April 2025.

Sesi ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan serta membincangkan peluang kerjasama strategik antara MPS dan pihak Orang Besar Daerah Gombak. Turut hadir dalam sesi tersebut ialah Timbalan Yang Dipertua MPS, Tuan Haji Az'har bin Samsuri.







MAJLIS PENYERAHAN SURAT PENYIARAN KENAIKAN PANGKAT BAGI TAHUN 2025 MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

SEBAGAI penghargaan atas sumbangan cemerlang dalam perkhidmatan, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah mengadakan Majlis Penyerahan Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat bagi Tahun 2025 pada 19 Mei 2025. Seramai tiga kakitangan telah menerima surat kenaikan pangkat manakala seorang pegawai dilantik sebagai Pemangku Pengarah. Majlis penyerahan disempurnakan oleh Yang Dipertua MPS, YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin, disaksikan Timbalan Yang Dipertua, YBrs. Tuan Haji Az'har bin Samsuri.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen MPS dalam menghargai usaha dan profesionalisme warga kerja. Diharapkan amanah baharu ini terus menyemarakkan semangat kecemerlangan serta menyumbang ke arah kemajuan organisasi dan perkhidmatan berkualiti kepada masyarakat.





MPS SANTUNI KOMUNITI SELAYANG MELALUI PROGRAM KESIHATAN WARGA EMAS NEGERI SELANGOR 2025

USAHA meningkatkan kesedaran kesihatan dalam kalangan warga emas diteruskan menerusi Program Kesihatan Warga Emas Negeri Selangor 2025 Peringkat Daerah Gombak, yang telah berlangsung dengan meriah pada 31 Mei 2025 di Dewan Beringin, Taman Seri Gombak. Program anjuran EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Negeri Selangor dengan kerjasama BeVital dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) ini telah dirasmikan oleh YB Puan Jamaliah binti Jamaluddin, EXCO Kesihatan Negeri Selangor. Turut hadir memeriahkan acara ialah YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, yang turut meluangkan masa beramah mesra bersama warga emas dan melawat reruai-reruai pameran.

Majlis diserikan lagi dengan kehadiran YBhg. Dato' Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Orang Besar Daerah Gombak; Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Timbalan Yang Dipertua MPS; barisan Ahli Majlis, serta Dr. Ahmad Munawwar Helmi, Ketua Projek BeVital. Pelbagai pengisian seperti saringan kesihatan, ceramah dan cabutan bertuah telah berlangsung dengan suasana penuh mesra. Program ini mencerminkan usaha bersama Kerajaan Negeri, agensi tempatan dan komuniti dalam memastikan kesihatan dan kebajikan warga emas terus dipelihara secara menyeluruh.





KARNIVAL CERIA SELANGOR 2025 DISAMBUT MERIAH DENGAN KEHADIRAN KOMUNITI SEKITAR SELAYANG

RIBUAN pengunjung membanjiri Dataran Ilmu, Bandar Baru Selayang bagi memeriahkan Karnival Ceria Selangor 2025 anjuran EXCO Pembangunan Wanita & Kebajikan Negeri Selangor dengan kerjasama Pejabat Dewan Negeri Taman Templer yang telah berlangsung pada 31 Mei 2025.

Pelbagai pengisian menarik seperti Larian Kasih Ibu, teater "Bunga Untuk Kemboja", Career Comeback Program, serta pelancaran Kempen Menentang Keganasan Berasaskan Gender menyerlahkan fokus program terhadap pemberdayaan wanita, kekuatan institusi keluarga dan pembangunan masyarakat.

Majlis turut dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor, yang melancarkan inisiatif Khairat Darul Ehsan (KDE), disusuli pelancaran Sukarelawan WBS serta penyampaian bantuan khas dan Anugerah Inspirasi Ibu. Turut hadir, Dato' Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Orang Besar Daerah Gombak; Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Timbalan YDP MPS; barisan Ahli Majlis dan pengarah jabatan. MPS turut serta membuka Kaunter Aduan dan Kaunter Bergerak MPS dalam usaha mendekatkan perkhidmatan kepada warga Selayang.







Buka peluang mobiliti golongan belia B40

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM MYLESEN B2 TAHUN 2025 PERINGKAT NEGERI SELANGOR

DEWAN Sri Siantan, Selayang menjadi lokasi penutup Program MyLesen B2 Tahun 2025 Peringkat Negeri Selangor yang berjaya melatih seramai 1,200 peserta terdiri daripada pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi dan orang awam. Program anjuran kerajaan negeri bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Selangor ini memberi peluang kepada golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2 secara percuma, sekali gus meningkatkan tahap keselamatan dan kesiapsiagaan belia sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Majlis telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor yang menyatakan komitmen Kerajaan Negeri dalam membuka akses lesen motosikal kepada rakyat berpendapatan rendah. Turut hadir memeriahkan acara ialah Datuk Aedy Fadly Ramli, Ketua Pengarah JPJ barisan Ahli Majlis MPS serta wakil agensi kerajaan. Mewakili MPS, Timbalan Yang Dipertua, YBrs. Tuan Haji Az'har bin Samsuri turut hadir memberikan sokongan padu terhadap inisiatif kebajikan berimpak tinggi ini.





Simbol Dedikasi Warga MPS

KAKITANGAN MPS TERIMA PINGAT SEMPENA HARI KEPUTERAAN SULTAN SELANGOR

BERSEMPENA Ulang Tahun Ke-79 Hari Keputeraan Sultan Selangor, Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, telah berkenan mengurniakan Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan kepada 184 penerima dari daerah Gombak, Petaling dan Klang. Istiadat penganugerahan pingat berlangsung pada 14 Mei 2025 di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam dan turut dihadiri oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS), YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin.

MPS merakamkan ucapan tahniah kepada kakitangannya yang terpilih menerima anugerah iaitu Puan Nor Asinah binti Sabaan, Penolong Pegawai Penilaian Gred W6, yang dikurniakan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC). Pengiktirafan ini mencerminkan dedikasi dan sumbangan beliau dalam perkhidmatan awam khususnya di bawah pentadbiran MPS.





Kekal Komited Laksana Tadbir Urus Yang Cekap

AUDIT PEMANTAUAN ISO MPS PASTIKAN PEMATUHAN DAN KUALITI PERKHIDMATAN

AUDIT Pemantauan MS ISO 9001:2015 (Sistem Pengurusan Kualiti) dan ISO/IEC 27001:2022 (Information Security Management System) oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah bermula pada 7 Mei 2025 di Dewan Keraian, Menara MPS. Audit kombinasi selama dua hari ini bertujuan memastikan pematuhan terhadap prosedur kerja dan penambahbaikan berterusan mengikut piawaian yang ditetapkan.

Mesyuarat pembukaan dipengerusikan oleh Yang Dipertua MPS, YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin, manakala sesi audit diketuai oleh En. Mohd Nasir bin Md. Zainuddin (MS ISO 9001:2015) dan Pn. Suhaila binti Ariffin (ISO/IEC 27001:2022). MPS kekal komited mengekalkan tadbir urus yang cekap, selamat dan berkualiti demi perkhidmatan terbaik kepada warga Selayang.





Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan

DATO' IR HAJI CHEREMI RASMI TERIMA JAWATAN AHLI MAJLIS MPS

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) telah menerima pelantikan rasmi Yang Dihormatkan Dato' Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Gombak sebagai Ahli Majlis Zon 2 menerusi Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan yang diadakan pada 16 Mei 2025 di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS. Majlis tersebut disaksikan oleh YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin, YDP MPS bersama TYDP serta Pengarah Perundangan MPS.

Pelantikan Dato' Cheremi turut mengukuhkan struktur pentadbiran MPS, selari dengan peranannya sebagai Orang Besar Daerah Gombak yang baharu, berkuat kuasa 1 Mei 2025. Turut hadir dalam majlis ini adalah Ahli Majlis MPS, pengarah jabatan serta pegawai dalaman. Semoga lantikan ini memberi suntikan baharu dalam memperkukuh tadbir urus dan khidmat kepada komuniti.



Inovasi Ke Arah Peningkatan Kualiti

25 KUMPULAN SERTAI PENILAIAN FIZIKAL ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS)

PEJABAT Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah menganjurkan Sesi Penilaian Fizikal Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2025 pada 14 Mei 2025 di Lobi Menara MPS. Sesi penilaian ini diketuai oleh Puan Ayu Azriati binti Chik Ros daripada SUK Selangor dengan penyertaan 25 kumpulan termasuk wakil agensi kerajaan, swasta, IPT, kolej kemahiran dan sekolah. MPS diwakili Kumpulan W2K dari Jabatan Pusat Setempat (OSC) sebagai salah satu peserta.

Yang Dipertua MPS, YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin dan Timbalan Yang Dipertua, YBrs. Tuan Haji Az'har bin Samsuri turut berkesempatan melawat pameran inovasi kumpulan bertanding. Penilaian ini bertujuan menapis dan memilih projek terbaik ke peringkat seterusnya, dengan keputusan dijangka diumumkan pada Julai 2025.



Kursus induksi kakitangan lantikan baharu siri 2 tahun 2025

PERKASA ETIKA & INTEGRITI PENJAWAT BAHARU MPS

SEBAGAI usaha memperkasa kompetensi warga kerja baharu, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah menganjurkan Kursus Induksi Kakitangan Lantikan Baharu Siri 2 Tahun 2025 pada 14 hingga 16 Mei 2025 bertempat di Taman Rimba Bukit Lagong. Kursus yang disertai oleh 15 orang peserta ini diadakan bagi memberikan pendedahan awal tentang struktur organisasi, tanggungjawab sebagai penjawat awam serta nilai integriti dalam perkhidmatan.

Majlis Penutup telah disempurnakan oleh Timbalan Yang Dipertua MPS, YBrs. Tuan Haji Az'har bin Samsuri. Beliau menyeru peserta agar sentiasa mengamalkan sikap profesional, bertanggungjawab dan komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Diharapkan ilmu yang diperoleh dapat dimanfaatkan sepenuhnya demi kemajuan organisasi dan kesejahteraan masyarakat.









Transformasi Digital Perkhidmatan Awam Diperkasa

PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

MAJLIS Perbandaran Selayang telah menganjurkan Program Hari Bertemu Pelanggan pada 16 Mei 2025 (Jumaat) bertempat di Lobi Menara MPS, bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Program ini bertujuan untuk mendekatkan pihak MPS dengan masyarakat setempat, mendengar aduan serta cadangan secara langsung, dan memberikan penyelesaian segera terhadap isu yang dibangkitkan oleh orang awam.

Turut sama dalam program ini ialah Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Timbalan Yang Dipertua MPS bersama Pengarah jabatan dalaman.

Bagi orang awam yang tidak berkesempatan untuk datang ke Program Hari Bertemu Pelanggan hari ini boleh melayari https://mps.spab.gov.my/eApps/system/index.do untuk sebarang aduan, cadangan dan maklum balas atau boleh ke media sosial rasmi MPS untuk maklumat lanjut.









Berkongsi Peranan dan Aspirasi Kepada Pendengar

TEMU BUAL KHAS BERSAMA YANG DIPERTUA MPS DI SELANGORFM

TEMU bual khas Slot 'PBT dan Anda' di SELANGORfm telah berlangsung pada 8 Mei 2025 bersama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS), YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin di Wisma Radio, Angkasapuri RTM. Sesi ini membincangkan peranan MPS sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangani isu serta aduan penduduk, selain berkongsi perancangan MPS ke arah pelaksanaan Smart City.

Sesi turut memberi fokus kepada produk pelancongan di bawah pentadbiran MPS sempena Tahun Melawat Selangor 2025. Turut hadir ialah Encik Zulkefli bin Mohd, Pengarah Jabatan Penyiaran Negeri Selangor. MPS merakamkan penghargaan kepada SELANGORfm atas jemputan dan ruang kolaborasi yang diberikan, dengan harapan kerjasama ini dapat diteruskan pada masa depan.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN MEI 2025

MAJLIS Perhimpunan Bulan Mei 2025 anjuran Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah berlangsung pada 27 Mei 2025 di Lobi Menara MPS. Dianjurkan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan, majlis ini menyaksikan penyerahan watikah pelantikan kepada mentor Program Pementoran Perkhidmatan Awam MPS Tahun 2025 serta simbolik sambutan Hari Pekerja melalui penyerahan mock-up Kad Pekerja Madani kepada Timbalan Yang Dipertua MPS, Tuan Haji Az'har bin Samsuri. Penyampaian hadiah kepada pemenang Kuiz Kahoot turut memeriahkan suasana.

Turut diraikan ialah kejayaan Pasukan Bola Jaring MPS yang memperoleh tempat ketiga dalam Pertandingan Bola Jaring Sempena Hari Tanpa Kenderaan anjuran MPAJ dan Pasukan Paintball MPS dalam Kejohanan BEP R600 Limited Edition. Hadir sama dalam perhimpunan ini ialah Puan Su@ Noor Hafizah binti Mohamad Lasim, Timbalan Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan; barisan Ahli Majlis; pengarah-pengarah jabatan serta warga kerja MPS yang turut menyemarakkan semangat kekitaan dan apresiasi warga perkhidmatan awam.






MESYUARAT MAJLIS BIL.5/25

MESYUARAT Majlis Bilangan 5/25 Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah diadakan pada 27 Mei 2025 di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS dan dipengerusikan oleh Timbalan Yang Dipertua MPS, YBrs. Tuan Haji Az'har bin Samsuri. Dalam mesyuarat tersebut, beliau berkongsi pencapaian MPS sepanjang April 2025 serta menzahirkan penghargaan kepada semua jabatan atas komitmen cemerlang dalam melaksanakan tugas.

Tuan TYDP turut merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Dihormatkan Dato' Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman atas pelantikan sebagai Orang Besar Daerah Gombak dan Ahli Majlis MPS Zon 2. Mesyuarat turut dihadiri oleh Ahli Majlis, pengarah jabatan serta wakil media.






Bersedia Terima Aksi SUKMA XXII

LAWATAN BERSAMA SEKRETARIAT SUKMA KE STADIUM MPS

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) telah menerima kunjung hormat delegasi Sekretariat SUKMA XXII Selangor 2026 yang diketuai oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan) merangkap CEO sekretariat pada 13 Mei 2025. Lawatan ini bertujuan mengenal pasti kelengkapan dan kesesuaian Stadium MPS sebagai salah satu lokasi utama penganjuran SUKMA XXII pada tahun hadapan.

Stadium MPS kini sedang menjalani kerja-kerja penambahbaikan kemudahan dan fasiliti termasuk membaik pulih ruangan serta bahagian yang rosak. Delegasi sekretariat telah disambut oleh Puan Norhayati Ahmad, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, bersama pegawai MPS di stadium berkenaan.



Lawatan Verifikasi Penilaian Projek Bp1

MPS & KPKT PANTAU PROJEK MITIGASI BANJIR SRI GOMBAK

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) bersama Jabatan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menjalankan lawatan verifikasi penilaian bagi projek naik taraf sistem perparitan di lokasi hotspot banjir kilat sekitar Sri Gombak pada 20 Mei 2025. Lawatan ini diketuai oleh Cik Raihani binti Che Mamat, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Perunding Kejuruteraan Kesihatan Umum, KPKT sebagai usaha menilai keberkesanan pelaksanaan Projek BP 1.

Langkah ini merupakan sebahagian daripada inisiatif mitigasi banjir yang dilaksanakan bagi memastikan sistem perparitan yang lebih cekap, mampan dan bersesuaian dengan keperluan semasa. Ia turut menyokong aspirasi pembangunan bandar yang lestari, selain memberi jaminan keselamatan dan keselesaan kepada penduduk di bawah seliaan MPS.



KUNJUNGAN HORMAT PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK) GOMBAK-PETALING

PPK GOMBAK & PETALING JALIN KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA MPS

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Gombak dan Petaling yang diketuai oleh Tn. Haji Azman bin Yusoff pada 28 Mei 2025 bertempat di Bilik Anggerik, MPS. Kunjungan ini telah disambut oleh Timbalan Yang Dipertua, YBrs. Tn. Haji Az'har bin Samsuri, bersama barisan pengurusan MPS. Lawatan ini bertujuan memperkukuh jalinan kerjasama strategik antara MPS dan PPK dalam pembangunan komuniti tempatan.

Antara perkara yang dibincangkan termasuklah peluang kerjasama dalam aktiviti Petani Bandar, kitar semula, promosi produk usahawan peladang, serta penglibatan dalam program seperti kebun komuniti dan tanam pokok. MPS menyambut baik inisiatif ini sebagai usaha berterusan memperluas sinergi antara pihak berkuasa tempatan dan agensi luar demi komuniti yang mampan dan inklusif.



Sentuhan Kasih dan Sokongan Sosial

PROGRAM ZIARAH CERIA BUKA TIRAI KARNIVAL CERIA SELANGOR 2025

PROGRAM Ziarah Ceria Bersama Komuniti pada 30 Mei 2025 menjadi pembuka tirai kepada Karnival Ceria Selangor yang berlangsung sehari kemudian di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selayang. YB Puan Anfaal binti Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, telah menyantuni lima penerima bantuan daripada kalangan warga emas, ibu tunggal dan keluarga memerlukan serta menyampaikan Kit Ziarah Kasih dan bantuan segera. Dalam program sama, YB Anfaal turut menyampaikan plak penghargaan kepada 13 pengusaha taska berdaftar di bawah JKM sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan mereka dalam penjagaan awal kanak-kanak. Majlis ini turut dihadiri oleh Timbalan Yang Dipertua MPS, Pengarah JKM Negeri Selangor, dan Ahli Majlis MPS Zon 10.



Operasi kaunter aduan MPS

MPS KOMITED DEKATI MASYARAKAT SEKITAR SELAYANG PADA PROGRAM JUALAN EHSAN RAHMAH MADANI

SEBAGAI usaha mendekati komuniti dan memperluas akses perkhidmatan kepada orang awam, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah membuka Kaunter Aduan sempena Program Jualan Ehsan Rahmah Madani DUN Sungai Tua pada 28 Mei 2025 bertempat di Laman Bourgenvilla, Sungai Kertas. Kaunter yang beroperasi dari jam 9.00 pagi hingga 12.30 tengah hari ini memberi ruang kepada pengunjung untuk menyampaikan aduan, cadangan serta pertanyaan berkaitan perkhidmatan PBT.

Sepanjang sesi berlangsung, seramai 12 pengunjung telah hadir dan sebanyak 14 aduan telah direkodkan untuk tindakan jabatan berkaitan. MPS turut mengambil inisiatif menjalankan kaji selidik MURNInet bagi menilai tahap kepuasan penduduk terhadap perkhidmatan yang disediakan di kawasan pentadbiran MPS. Langkah ini mencerminkan komitmen MPS dalam menyantuni komuniti secara proaktif.



Program CSR hari alam sekitar

MPS & PALM OLEO BAWA MESEJ KELESTARIAN KE SEKOLAH

SEMPENA Hari Alam Sekitar 2025, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dengan kerjasama Palm Oleo Sdn. Bhd. telah melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di SJK(C) Kundang pada 28 Mei 2025. Sekolah ini menjadi lokasi pertama daripada tiga sekolah terpilih dalam siri program pendidikan alam sekitar yang bertujuan menyemai nilai kelestarian dalam kalangan murid-murid melalui pelbagai aktiviti kesedaran berimpak tinggi.

Majlis ini diserikan dengan kehadiran YBrs. Tuan Saharudin bin Abu Bakar, Ahli Majlis MPS Zon 19, serta wakil pengurusan tertinggi Palm Oleo dan barisan pentadbiran sekolah. Usaha ini mencerminkan sinergi kukuh antara pihak berkuasa tempatan dan sektor swasta dalam menyokong pendidikan alam sekitar dan membina komuniti muda yang lebih prihatin terhadap kelestarian bumi.



23 Tahun Mencurah Bakti kepada Warga Gombak

MAJLIS MAKAN MALAM PENGHARGAAN MANTAN ORANG BESAR DAERAH GOMBAK KEDUA

YANG Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS), YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin bersama Timbalan Yang Dipertua, YBrs. Tuan Haji Az'har bin Samsuri, barisan Ahli Majlis dan pengurusan MPS telah meraikan Yang Dihormatkan Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' Dr. Haji Wan Mahmood bin Pa'Wan Teh dalam Majlis Makan Malam Penghargaan Mantan Orang Besar Daerah Gombak Kedua pada 12 Mei 2025 di Pusat Konvensyen MPAJ, Taman Melawati. Majlis ini merupakan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, MPS dan MPAJ sebagai tanda penghargaan atas jasa beliau selama 23 tahun berkhidmat sebagai Orang Besar Daerah Gombak Kedua.

Majlis turut dihadiri YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak; YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Selangor; Pegawai Daerah Gombak, YBrs. Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz; Timbalan Yang Dipertua MPAJ, YBrs. Tuan Ts. Haji Hasrolnizam bin Shaari; serta tetamu kehormat lain. MPS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan majlis ini dan mengucapkan terima kasih kepada Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' Dr. Haji Wan Mahmood atas jasa serta sokongan sepanjang perkhidmatan beliau.











Pengiktirafan kebun komuniti terbaik 2024

TAMAN SRI PUTRA MAS, KOMUNITI NILAM DELIMA DAN KAMPUNG MELAYU PEKAN RAWANG RANGKUL JUARA KEBUN KOMUNITI

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) merakamkan ucapan tahniah kepada Kebun Komuniti Taman Sri Putra Mas, Kebun Komuniti Nilam Delima, dan Kebun Komuniti Kampung Melayu, Pekan Rawang yang masing-masing telah dinobatkan sebagai juara bagi Kategori Kawasan Lapang, Lorong Belakang dan Penyelenggaraan dalam Pertandingan Kebun Komuniti Terbaik MPS 2024.

Majlis penyampaian hadiah yang diadakan pada 24 Mei 2025 di Kampung Melayu, Pekan Rawang telah disempurnakan oleh Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Timbalan Yang Dipertua MPS. Para pemenang membawa pulang hadiah wang tunai, trofi iringan dan sijil penghargaan sebagai tanda penghormatan atas usaha dan komitmen mereka.

Sebanyak 20 kebun komuniti menyertai edisi kelapan pertandingan ini yang merangkumi tiga kategori utama. Inisiatif ini bukan sahaja memupuk nilai lestari, tetapi turut memperkukuh semangat kejiranan dan pembangunan komuniti setempat. MPS mengharapkan penglibatan aktif komuniti dapat diteruskan di masa hadapan dan menjadi inspirasi kepada kawasan lain dalam pentadbiran Selayang.





Memupuk Kesedaran Jaga Kesihatan

PROGRAM HARI BUAH PINGGANG SEDUNIA TAHUN 2025

PROGRAM Hari Buah Pinggang Sedunia 2025 Peringkat Kluster Zon Utara Negeri Selangor telah berlangsung pada 4 Mei 2025 di Taman Rimba Bukit Lagong. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sebagai usaha meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan menjaga kesihatan buah pinggang.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan termasuk trail run, saringan kesihatan, cabutan bertuah, pameran kesihatan, program penanaman pokok, pameran motosikal berkuasa tinggi dan Soopa Doopa Fun. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan (Perubatan) Negeri Selangor, Dr. Faizal bin Mat Ariffin, serta turut dihadiri oleh wakil-wakil agensi berkaitan dan Ahli Majlis MPS, Tuan Ahmad Zahiri bin Zahid Sofian.



ILMU PEMANDUAN SELAMAT PERKASA PROFESIONALISME PEMANDU MPS

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) telah menganjurkan Kursus Pemanduan Berhemah khusus untuk para pemandu jabatan bagi memperkasa aspek keselamatan, kecekapan dan pematuhan terhadap undang-undang jalan raya. Kursus dua hari ini dilaksanakan dalam dua siri iaitu pada 23 Mei dan 30 Mei 2025, melibatkan seramai 96 peserta keseluruhan. Kursus ini telah dilaksanakan di perkaranagan Menara MPS dan dikendalikan oleh pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta wakil konsultan melalui pendekatan teori dan praktikal.

Antara objektif kursus termasuk memupuk amalan pemanduan berhemah, pengurusan risiko di jalan raya serta membudayakan keselamatan sebagai sebahagian daripada etika kerja harian. MPS merakamkan penghargaan kepada semua peserta dan urus setia atas komitmen menjayakan kursus ini. Diharapkan pengetahuan yang diperoleh mampu diterapkan secara konsisten dalam tugasan harian..



Santapan Pagi Bersama Rakyat

PROGRAM "WALKABOUT INTEGRITY" SEMPENA PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI TAHUN 2025

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) melalui Unit Integriti telah melaksanakan Program Walkabout Integriti bersempena Program Pengukuhan Integriti Tahun 2025 pada 6 Mei 2025 di Stadium MPS bersama kakitangan Unit Stadium. Program ini bertujuan menyampaikan mesej integriti secara langsung kepada warga kerja di lapangan selain memupuk budaya pematuhan dan nilai murni secara berterusan.

Inisiatif ini merupakan pendekatan latihan mendidik yang dilaksanakan Unit Integriti untuk membudayakan nilai integriti tanpa menekankan unsur menghukum. Program seumpama ini diharapkan dapat memberi impak positif dalam menyemai kefahaman, kesedaran dan rasa tanggungjawab terhadap nilai integriti dalam pelaksanaan tugas harian.



Program Pengukuhan Integriti Tahun 2025

PROGRAM 'WALKABOUT INTEGRITY' SIRI KE-3 KUKUH INTEGRITI WARGA TEKNIKAL MPS

PROGRAM 'Walkabout Integrity' anjuran Unit Integriti Majlis Perbandaran Selayang (MPS) diteruskan untuk Siri Ke-3 pada tahun ini, kali ini bertempat di Bengkel Kejuruteraan MPS di Rawang. Inisiatif ini bertujuan menyemai nilai integriti, pencegahan rasuah serta pematuhan tatakelakuan secara santai dan dekat bersama warga kerja teknikal.

Sesi taklimat telah disampaikan oleh Ketua Unit Integriti, Encik Rozaihan bin Ramli, yang menekankan kepentingan prinsip "Do the Right Thing" dalam tugasan harian. Program ini selaras dengan usaha MPS untuk melahirkan barisan penjawat awam yang telus, berakauntabiliti dan berintegriti tinggi.




Operasi Bersepadu Pelesenan

MPS BANTERAS REFLEKSOLOGI HARAM DAN PENJAJA TANPA PERMIT

AKTIVITI refleksologi tanpa lesen dan penjaja haram di kawasan tumpuan awam menjadi sasaran operasi bersepadu Majlis Perbandaran Selayang (MPS) pada 16 Mei 2025 melibatkan dua lokasi utama iaitu Uptown Sri Gombak dan Kolam Air Panas Selayang. Di Uptown, sembilan tapak penjaja dikesan menawarkan perkhidmatan refleksologi menggunakan pekerja warga asing tanpa kebenaran. Sitaan dilakukan melibatkan 27 kerusi malas, lapan khemah, enam katil urut dan 49 kerusi kecil oleh anggota Jabatan Pelesenan serta Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan MPS.

Di Kolam Air Panas Selayang, tujuh gerai beroperasi tanpa lesen turut dikenakan tindakan kompaun mengikut Undang-Undang Kecil berkaitan penjajaan dan perniagaan. Selain itu, premis Ruk Thai Massage & Foot Reflexology dikenakan kompaun RM1,000 serta diarahkan tutup serta-merta kerana beroperasi tanpa lesen sah. MPS akan terus mempergiat operasi seumpama ini bagi memastikan pematuhan undang-undang serta menjaga kesejahteraan awam.







Operasi penguatkuasaan mps

OPERASI BERSEPADU PEROBOHAN PONDOK PENGAWAL HARAM

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) telah melaksanakan operasi perobohan ke atas sebuah pondok pengawal yang dibina tanpa kelulusan dan dibiarkan terbiar di atas tanah rezab di Jalan Desa 12/5, Bandar Country Homes, Rawang pada 21 Mei 2025. Tindakan ini susulan aduan penduduk yang bimbang akan keselamatan serta ketenteraman awam akibat kewujudan struktur tersebut. Pemeriksaan mendapati struktur tersebut tidak lagi digunakan dan dalam keadaan usang.

MPS melalui Jabatan Bangunan telah mengeluarkan notis kesalahan di bawah Seksyen 70, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 sebelum menjalankan perobohan dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB). Operasi bermula jam 10:00 pagi dan berakhir 12:00 tengah hari menggunakan bantuan jentera termasuk satu unit backhoe dan tong roro. MPS menegaskan komitmen berterusan dalam memastikan struktur haram ditangani bagi menjaga kesejahteraan penduduk.









Program pheks peringkat zon tengah tahun 2025

ANULAE CAWANGAN MPS TERIMA GERAN BANTUAN PHEKS TAHUN 2025

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) melalui ANULAE Cawangan MPS telah menerima geran bantuan sebanyak RM20,000 menerusi Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) bagi Zon Tengah Tahun 2025 yang berlangsung pada 23 Mei 2025 di Wyndham Acmar, Klang. Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) bersama Kementerian Sumber Manusia ini bertujuan menyokong gerakan kesatuan sekerja dalam memperkukuh kebajikan dan hak pekerja.

Bantuan ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada usaha memperkasa peranan kesatuan sekerja serta memperkukuh hubungan industri yang lebih harmoni. MPS terus komited menyokong inisiatif yang menyumbang kepada pembangunan sumber manusia dan kesejahteraan warga kerja selaras dengan matlamat Malaysia MADANI.









Syukur dan Doa Mengiringi Perjalanan Tetamu Allah

MPS SANTUNI BAKAL JEMAAH HAJI DALAM MAJLIS BACAAN YASIN

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) melalui Kelab Sukan dan Kebajikan MPS (KSDK MPS) dan ANULAE telah menganjurkan Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat bagi meraikan bakal jemaah haji warga kerja MPS pada 8 Mei 2025 di Lobi Menara MPS. Seramai enam orang warga kerja termasuk Yang Dipertua MPS, YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin, telah terpilih menunaikan ibadah haji tahun ini. Bacaan Yasin dan doa selamat dipimpin oleh Encik Syeikh Muhamad Faeez bin Mohd Nasir, Pegawai Jabatan Khidmat Pengurusan.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian sumbangan wang tunai daripada ANULAE MPS dan kit bantuan jemaah haji daripada KSDK MPS yang disempurnakan oleh Timbalan Yang Dipertua MPS, YBrs. Tuan Haji Az'har bin Samsuri. Turut hadir Presiden KSDK MPS, Encik Zikry bin Zulkiflee, Pengerusi ANULAE Cawangan MPS, Puan Ruzaini binti Sohot, Ahli Majlis dan pengarah jabatan. Semoga warga kerja MPS yang terpilih menunaikan haji dikurniakan kesihatan yang baik serta memperoleh haji yang mabrur.









Penghargaan Untuk Pembayar Cukai Taksiran

MPS SERAH CENDERAHATI TONG SAMPAH KEPADA PEMBAYAR CUKAI TAKSIRAN 2025







MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) telah mengadakan Majlis Penyerahan Cenderahati Tong Sampah kepada Pembayar Cukai Taksiran 2025 pada 5 Mei 2025 bertempat di Lobi Menara MPS. Program ini bertujuan menzahirkan penghargaan kepada pemilik harta yang telah menjelaskan bayaran penuh cukai taksiran tahun 2025, selain menjadi inisiatif susulan Pelaksanaan Semakan Semula Kadar Cukai Taksiran 2025.

Penyerahan tong sampah Mobile Garbage Bin (MGB) 80 liter telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPS, YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin kepada penerima terpilih. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Yang Dipertua MPS, Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Ketua Whip dan barisan pengarah jabatan MPS.

Pasukan Bola Jaring Dan Paintball MPS

PASUKAN MPS CEMERLANG DALAM DUA KEJOHANAN BERTURUT-TURUT



MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) terus melakar kejayaan sukan membanggakan apabila dua pasukannya meraih tempat ketiga dalam dua kejohanan sukan berbeza yang berlangsung pada hujung Mei 2025. Pasukan bola jaring MPS berjaya meraih tempat ketiga dalam Pertandingan Bola Jaring sempena Hari Tanpa Kenderaan anjuran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada 25 Mei 2025, membawa pulang hadiah wang tunai RM250.00 serta medal. Penyertaan ini menyerlahkan semangat kesukanan dan kolaborasi positif antara PBT, khususnya MPS dan MPAJ.

Dalam masa yang sama, pasukan paintball MPS turut mencatat kejayaan tersendiri dengan meraih tempat ketiga dalam Kejohanan Paintball BEP R600 Special Limited Edition 2025 yang berlangsung pada 24–25 Mei di Bilut Extreme Park, Bentong, Pahang. Menerusi strategi permainan mantap dan semangat berpasukan tinggi, pasukan ini membawa pulang hadiah wang tunai RM500.00 dan medal. Dua pencapaian ini mencerminkan komitmen warga MPS bukan sahaja dalam perkhidmatan, malah aktif menyumbang dalam bidang sukan dan pembangunan modal insan.

Sambutan hari ibu JKP MPS Zon 14

RAIKAN KASIH IBU, KUKUH PERPADUAN KOMUNITI







SEMPENA Sambutan Hari Ibu, JKP MPS Zon 14 dengan kerjasama Pertubuhan Pembangunan Wanita Berdaya (PWB) Rawang telah menganjurkan Program Sambutan Hari Ibu pada 17 Mei 2025 di Tasik Bersatu, Rawang. Seramai 100 penduduk berbilang kaum dari kawasan sekitar telah turut serta bagi meraikan jasa dan kasih sayang ibu, Program dimulakan dengan aktiviti zumba, diikuti sesi memotong kek, sarapan pagi serta penyampaian bunga kepada para ibu. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YB Tuan Chua Wei Kiat, ADUN Rawang yang telah menyempurnakan perasmian. Turut hadir Tuan Haji Sulaiman bin Abu Samah, Ketua WHIP merangkap Ahli Majlis Zon 14 MPS, ketua-ketua kampung dan penyelia PWB. Program ini bukan sahaja meraikan ibu-ibu, malah mengeratkan hubungan komuniti pelbagai kaum di Zon 14.